



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 Julai 2024
14 Muharam 1446H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|-------------------|--|
| Utusan Malaysia | • |
| Berita Harian | • |
| Harian Metro | • |
| Kosmo ! | • Maritim Malaysia rampas bot nelayan guna pukat 'haram' |
| Sinar Harian | • Hasil laut dirampas guna pukat tidak dilesenkan |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| The Sun | • |
| Malaysiakini | • |
| Bernama | • |
| Borneo Post (KK) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sabah Media | • |

: fss - lsw

.t2

| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|-------------------|----------------|-------------------|------------|---------------|
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | / | NEGATIF | NEUTRAL | 33 20.07.2014 |

Hasil laut dirampas guna pukat tidak dilesenkan

FOTO: MARITIM PAHANG

KUANTAN - Sebanyak 200 kilogram (kg) hasil laut dirampas susulan penahanan sebuah bot nelayan tempatan kelas C yang menggunakan pukat tidak dilesenkan pada Rabu lalu.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Pahang, Laksamana Pertama Maritim Mazlan Mat Rejab berkata, bot tersebut ditahan ketika sedang bersauh di kedudukan 17 batu nautika timur Kuala Pahang semasa rondaan Ops Makmur dan Ops Tiris oleh bot ronda Maritim Malaysia.

Menurutnya, hasil pemeriksaan awal mendapati, bot itu dikendalikan seorang tekong dan lima kru warga Vietnam berusia antara 35 hingga 46 tahun.

"Mereka ini tidak mempunyai dokumen permit kerja dan pendaftaran lesen bot. Pemeriksaan lanjut mendapat terdapat sebidang pukat di atas bot yang tidak dibenarkan penggunaannya bagi bot jenis mengail.

"Susulan itu, bot, tekong dan kru serta hasil perikanan yang dianggarkan sebanyak 200kg dibawa ke jeti Pos Maritim Teluk Gading dan diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurut Mazlan, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen iaitu menjalankan aktiviti perikanan menggunakan sebidang pukat yang tidak dilesenkan bagi bot jenis kail mengail.



Sebidang pukat di atas bot yang tidak dibenarkan penggunaannya bagi bot jenis mengail.

| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO ! | / | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
|------------------------|-------------------|---|----------------|-------------------|------------|--------------|
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN : POS | | / | NEGATIF | | NEUTRAL | 18 20.7.2024 |

Maritim Malaysia rampas bot nelayan guna pukat 'haram'

KUANTAN — Gara-gara menggunakan sebidang pukat haram, sebuah bot nelayan dirampas Maritim Malaysia (APMM) Pahang di perairan Kuala Pahang di Rompin semalam.

Pengarah Maritim Pahang, Laksamana Pertama Maritim Mazlan Mat Rejab berkata, bot mengail kelas C itu dikesan dalam rondaan Op Makmur dan Op Tiris di 17 batu nautika timur di perairan Kuala Pahang.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati bot itu dikendalikan seorang tekong dan lima kru warga



INILAH bot yang disita APMM dalam Op Makmur dan Op Tiris di perairan Kuala Pahang di Rompin semalam.

Vietnam berusia antara 35 hingga 46 tahun yang mempunyai doku-

men permit kerja serta pendaftaran lesen bot.

"Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat sebidang pukat di

atas bot yang tidak dibenarkan penggunaannya bagi bot jenis kail mengail," katanya semalam.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen iaitu menjalankan aktiviti perikanan menggunakan sebidang pukat yang tidak dilesenkan bagi bot jenis kail mengail.

Katanya, kesemua kru termasuk tekong ditahan untuk siasan lanjut, manakala bot serta hasil perikanan kira-kira 200 kilogram disita di Jeti Pos Maritim Teluk Gading di Rompin.